



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

#### **LAWATAN KERJA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PETRA KE THAILAND PERKUKUH INISIATIF TENAGA BERSIH DAN AIR MAMPAN UNTUK RAKYAT**

BANGKOK, 21 Mei 2025 - Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, mengadakan lawatan kerja rasmi ke Thailand selama empat hari bermula 21 sehingga 24 Mei 2025 yang memfokuskan kepada kerjasama strategik dalam bidang tenaga boleh baharu, keselamatan tenaga dan pengurusan sumber air secara mampan.

Lawatan ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam mendukung agenda peralihan tenaga negara dan menjayakan aspirasi Malaysia MADANI melalui komitmen memastikan rakyat mendapat manfaat daripada sistem tenaga dan air yang bersih, lestari dan berpatutan.

Antara pengisian semasa lawatan kerja ini adalah kunjungan hormat oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah kepada Timbalan Perdana Menteri Thailand merangkap Menteri Tenaga dan Timbalan Perdana Menteri yang menerajui Pejabat Sumber Air Kebangsaan adalah bagi membincangkan kerjasama rentas sempadan dalam pembangunan tenaga bersih dan pengurusan air industri sekali gus memperkuuh diplomasi serantau.

Perkongsian strategik bersama industri menerusi taklimat dan jaringan bersama syarikat TTM (Thailand) yang dihoskan oleh PETRONAS dijadualkan berlangsung dalam siri lawatan beliau, bertujuan menjana peluang pelaburan dua hala serta projek tenaga serantau yang memberi impak langsung kepada kestabilan bekalan dan kemampuan alam sekitar.

Selain itu, YAB Dato' Sri Haji Fadillah juga akan mengadakan lawatan ke sebuah loji Rawatan Air dan Kitar Semula bagi menimba pengalaman terbaik dalam inovasi hijau dan pengurusan sumber industri yang cekap.

Beliau turut dijadualkan menghadiri majlis ramah mesra bersama komuniti diaspora Malaysia di Bangkok dan menyempurnakan sesi makan malam bersama pihak industri sektor tenaga di Thailand bertujuan mempertingkat peluang kolaborasi sektor swasta dalam teknologi hijau dan pelaburan tenaga boleh baharu.

Lawatan kerja ini meletakkan Malaysia pada kedudukan yang lebih strategik dalam lanskap tenaga ASEAN, sekali gus memacu pembangunan sektor tenaga dan air negara yang lebih mampan, inovatif dan berteraskan kepentingan rakyat, selaras dengan penerapan konsep Malaysia MADANI yang menekankan kepada kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** **21 MEI 2025**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

